

# Persisi: Silat perlu jadi kegiatan luar darjah

12 FEB 1982

**PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi)** ingin agar seni silat dan seni pertahankan diri yang lain dapat dijadikan sebagai satu kegiatan luar darjah pelajar-pelajar sekolah di sini.

Ini adalah bagi memastikan bahawa seni warisan itu dapat disalurkan kepada generasi muda di samping membentuk keperibadian yang luhur kepada mereka supaya menjadi warga yang berguna.

Usaha menggalakkan para pelajar belajar mempertahankan diri tidak seharusnya dibatasi kepada kung-fu saja.

Demikian ulasan setiausaha agung Persisi, Encik Johari H. M. Uriff terhadap pengumuman Menteri Negara Kanan (Pejabat Perdana Menteri), Encik Lee Khoon Choy bahawa pelajar-pelajar sekolah tidak lama lagi akan berpeluang mempelajari seni "kung fu cara Singapura."

*PENCAK SILAT*

Encik Johari menegaskan dalam satu kenyataan bahawa Persisi mengalu-alukan rancangan itu tetapi ia hendaklah meliputi semua jenis seni pertahankan diri dan tidak hanya kung fu.

"Silat bukan saja merupakan satu cabang seni, tetapi ia juga dapat dijadikan sebagai satu acara olahraga. Mungkin silat dapat diajar pada masa senaman untuk dijadikan sebagai sebahagian dari kegiatan luar darjah," tambahnya.

## Lebih baik

Dengan mengajarkan seni silat ini dan seni pertahankan diri yang lain, para pelajar akan mengenali lebih baik lagi, warisan mereka dan bukan setakat mengenali seni pertahankan diri yang diimport seperti judo, karate dan lainnya.

Dengan cara ini juga ia akan dapat mengembang-

kan seni silat ini dengan lebih meluas lagi dari kaedah yang dijalankan sekarang.

"Para jurulatih ini juga dapat membantu menyiapkan sukatan untuk mata pelajaran silat bagi para penuntut itu."

Katanya, pengajaran seni silat di sekolah-sekolah ini tidak seharusnya mementingkan aspek fizikal saja, tetapi lebih baik lagi dari segi akademi.

"Ini dilakukan dengan memberikan penerangan yang lengkap mengenai asal usul silat dan pantang larang yang harus dipatuhi oleh penganutnya. Silat tidak semata-mata mementingkan sikap agresif," katanya lagi.

Mengenai kemampuan Persisi mengadakan para jurulatih untuk mengajar seni ini jika keinginan mereka dipenuhi, Encik Johari berkata, pihaknya dapat memenuhinya.

Ketika ini Persisi mempunyai seramai 25 orang jurulatih yang ber-

daftar dengannya dan Unit Pengawal Seni Pertahankan Diri (Macu), Kementerian Halehwal Dalam Negeri.

Beliau mendakwa bahawa ramai lagi para pesilatnya yang mempunyai kelayakan untuk menjadi jurulatih. Tetapi mereka tidak dapat menjalankan tugas ini kerana tidak mempunyai tempat untuk "kelas-kelas" mereka sendiri.

## Kelayakan

"Oleh kerana ini, mereka tidak dapat mendaftar diri sebagai jurulatih, walaupun mereka mempunyai kelayakan melakukan demikian.

"Sekiranya rancangan di sekolah-sekolah ini dapat dilancarkan, ini adalah satu peluang yang baik untuk mereka berdaftar dan mengendalikan kegiatan itu," katanya.

Persisi mempunyai 11 buah badan kerabat yang mengajar silat-silat dari 14 perguruan.

## Pertandingan Olahraga Silat Gayung

**BALAI Rakyat Pasir Panjang dan Kumpulan Silat Pasak** akan menganjurkan bersama **Pertandingan Olahraga Silat Seni Gayung** antara balai-balai rakyat.

Pertandingan separuh akhir akan diadakan pada Jumaat, 16 April, sementara pertandingan akhir akan diadakan pada Sabtu, 17 April di Balai Rakyat Pasir Panjang mulai 7.30 malam.

Anggota Parlimen Pasir Panjang, Encik Abbas Abu Amin, akan menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pada malam pertandingan akhir nanti.

## Malam Seni Pertahanan Diri

**SATU** persembahan "Malam Seni Pertahanan Diri" akan diadakan di Balai Rakyat Brickworks pada 5 April ini, mulai 7.00 malam.

Pada 7 April pula, balai tersebut akan mengadakan "Malam Kebudayaan" mulai 7.00 malam juga.

## Hari Silat: 17 pingat utk pesilat terbaik

**PERSATUAN Wanita dan Teruna Singapura (Perwanit)** akan menyampaikan pingat kepada 17 orang pesilat terbaik sepanjang tahun lalu.

Acara penyampaian pingat itu akan diadakan sempena 'Hari Silat' yang berlangsung di Sekolah Menengah Mayflower, Ang Mo Kio Avenue 3, mulai 3.00 petang esok.

Yang dipertua Perwanit, Encik Johari Uriff, memberitahu bahawa pingat tersebut dikurniakan sebagai salah satu usaha persatuan itu untuk menggalakkan seni persilatan di sini.

## Tujuan

Di samping itu, Perwanit juga akan menyampaikan 'selendang penghormatan' kepada guru-guru dari empat kumpulan silat yang mengambil bahagian dalam pertunjukan pada hari itu.

Mereka terdiri dari guru-guru Silat Seni Gayung, Silat Seni Pukul, Silat Macan Pasrah dan Silat Gagak Sakti.

Pengurniaan pingat dan selendang itu akan disampaikan oleh Setiausaha Parlimen (Perdagangan dan Perusahaan merang-